

02/12/1997

IMF, Korea Selatan sepakat

PENGARAH Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus, berkata IMF dan Korea Selatan sedang menuju ke arah kesepakatan mengenai butiran pakej menyelamatkan untuk negara Asia.

Katanya, walaupun ia mengambil masa bagi merangka butir lanjut, kedua-dua pihak bergerak ke arah kesepakatan dan diharap akan mencapai persetujuan tidak lama lagi.

"Kita membuat langkauan ke arah persetujuan," katanya ketika ditemui pemberita sebelum menghadiri mesyuarat Menteri Kewangan Asean Campur Enam di sini hari ini.

Camdessus yang tiba di sini awal pagi semalam untuk menghadiri mesyuarat itu turut mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya kemajuan pakej bantuan IMF bernilai berbilion ringgit untuk Korea Selatan, beliau berkata belum ada persetujuan dicapai mengenai perkara berkaitan.

"Sehingga titik 'i' terakhir ditanda, tidak ada perjanjian dibuat," katanya sambil menambah bahawa prospek ekonomi Korea Selatan diramal akan terus kekal lemah sekurang-kurangnya setahun," katanya.

Korea Selatan kini sedang berbincang dengan IMF untuk pakej bantuan yang dianggarkan penganalisis bernilai di antara AS\$50 hingga AS\$100 bilion.

Mata wangnya iaitu won merudum ke paras terendah 1,170 berbanding dolar Amerika Jumaat lalu daripada 1,056 pada minggu sebelumnya apabila pelabur bimbang mengenai syarat yang bakal dikenakan oleh IMF.

(END)